

Catatan Zaidatul belum diiktiraf



Oleh **ZAZALI JAMIAN**

sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 JUN

CATATAN 11.45 saat dilakukan oleh Zaidatul Husniah Zulkifli masih belum dapat disahkan sebagai rekod kebangsaan untuk 100 meter wanita yang baharu, tiga bulan selepas atlet dari Pulau

Pinang itu melakukannya dalam kejohanan di Afrika Selatan.

Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) Datuk Karim Ibrahim berkata, catatan itu belum dapat disahkan sebagai rekod kebangsaan kerana pihaknya masih belum menerima dokumen diperlukan daripada pihak pengajur kejohanan ASA Speed Series 2.

Ketiadaan dokumen diperlukan seperti catatan masa, gambar, ujian doping serta perkara lain melibatkan teknikal menyebabkan KOM tidak dapat mengiktiraf catatan 11.45 saat dilakukan Zaidatul Husniah dalam kejohanan di Afrika Selatan pada Mac lalu sebagai rekod kebangsaan.

“Kami akan terus menunggu untuk mengiktiraf catatan tersebut

but dan telah berhubung dengan pihak IAAF (Persekutuan Olahraga Antarabangsa) untuk mendapatkan nasihat.

“Oleh kerana segala dokumen diperlukan andai seseorang atlet melakukan rekod kebangsaan tidak diperoleh maka KOM tidak dapat mengiktirafnya sebagai rekod kebangsaan,” katanya dalam sidang akhbar, di sini hari ini.

**ZAI
DATUL
HSNIAH ZULKIFLI**

